



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018
MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TAHUN 2018 SIRI 1**

1. Seperti tahun sebelum, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 akan dibentangkan secara bersiri sebanyak dua (2) kali. LKAN Siri 1 dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 (Isnin) setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ianya meliputi LKAN Tahun 2018 Mengenai Pengurusan Kewangan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018; LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan bagi Tahun 2018 Siri 1; LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan bagi Tahun 2018 Siri 1; dan LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 1.

2. Sempena pembentangan LKAN di Dewan Rakyat, Jabatan Audit Negara (JAN) juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- (a) JAN telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) untuk menilai sama ada pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Kerajaan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Aspek yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Kenderaan, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan.
- (b) Pada tahun 2018, di peringkat Persekutuan, JAN telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 24 kementerian, 17 jabatan dan 13 badan berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun. Pencapaian kementerian/jabatan/badan berkanun Persekutuan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1
PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN
(INDEKS AKAUNTABILITI) PERINGKAT PERSEKUTUAN**

AGENSI	BIL. DIAUDIT	PENCAPAIAN				KURANG MEMUASKAN
		CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN		
Kementerian	24	16	8	-	-	-
Jabatan	17	15	2	-	-	-
Badan Berkanun	13	3	4	5	1 ¹	
JUMLAH	54	34	14	5	1	

¹ BBP yang kurang memuaskan ialah Maktab Koperasi Malaysia.

- (c) Di peringkat Negeri, pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah dijalankan terhadap 193 kementerian/jabatan/agensi Negeri. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2
PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN
(INDEKS AKAUNTABILITI) MENGIKUT NEGERI

Negeri	PENCAPAIAN					Jumlah
	Cemerlang	Baik	Memuaskan	Kurang Memuaskan	Tidak Memuaskan	
Johor	4	5	3	4	0	16
Kedah	5	6	0	1	0	12
Kelantan	7	5	0	0	0	12
Melaka	0	6	2	2	0	10
Negeri Sembilan	5	6	0	0	0	11
Pahang	4	5	2	0	0	11
Perak	10	5	3	0	0	18
Perlis	2	2	3	0	0	7
Pulau Pinang	3	6	1	0	0	10
Sabah	13	3	10	2	1	29
Sarawak	24	7	0	1	0	32
Selangor	5	9	1	0	0	15
Terengganu	1	4	1	3	1	10
Jumlah	83	69	26	13	2	193

3.2. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri

- (a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* 3000, 3100 dan 3200. Setiap tahun, JAN menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan, serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai wang terbaik (*best value for money*).
- (b) Mulai LKAN Tahun 2018 Siri 1, JAN telah menambah baik format pelaporan sedia ada dari segi susun atur perenggan laporan, mewujudkan daftar akronim serta memasukkan Rumusan Keseluruhan Audit bagi setiap tajuk kajian prestasi yang dilaporkan. Pembaharuan ini adalah untuk memudahkan dan membolehkan pembaca memahami rumusan juruaudit terhadap isu Audit yang ditemui berbanding objektif pengauditan yang ditetapkan.
- (c) Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 1 ini, sebanyak 19 pengauditan prestasi melibatkan kementerian/jabatan/badan berkanun Persekutuan dan lapan (8) pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan. Manakala di peringkat Negeri, 15 pengauditan prestasi dan enam (6) pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dijalankan. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan aktiviti/program, pengurusan dana, pembinaan, senggaraan, sistem/ICT serta projek *Public Private Partnership (PPP)/Private Finance Initiative (PFI)*.

- (d) Secara umumnya, program/aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti berikut:
- sasaran output dan *outcome* yang ditetapkan tidak dapat dicapai atau tidak boleh diukur/dinilai kerana data/maklumat lengkap tidak diselenggara;
 - kelewatan pembekalan peralatan;
 - projek pembinaan terbengkalai atau melewati jadual;
 - berlaku kes pembayaran tidak teratur;
 - kelemahan pentadbiran kontrak;
 - kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti; dan
 - ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Ketua Audit Negara telah mengemukakan lapan (8) syor terhadap Pengurusan Kewangan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan, 99 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, 34 syor terhadap pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan serta 100 syor terhadap pengurusan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
5. LKAN Tahun 2018 Siri 1 dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara, dan orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 15 Julai 2019 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara. Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut

akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Taklimat, Aras 2, Bangunan Utama, Parlimen.

Ketua Audit Negara
Malaysia

15 Julai 2019